



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 19/77**

*Menahan Pembayaran Dan Membayar Sejumlah 25% Wang Pampasan Yang Patut
Dibayar Kepada Seorang Yang Berkepentingan Di Dalam Sesuatu Kes Pengambilan
Balik Tanah*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai peruntukan-peruntukan seksyen 29 dan 29A Undang-undang Pengambilan Balik Tanah, 1960 bersabit dengan menahan pembayaran dan membuat pembayaran 25% daripada jumlah wang pampasan yang ditetapkan di dalam tiap-tiap kes di mana jumlah bagi sesuatu tanah itu melebihi RM5,000/-.

2. Selepas diselesaikan sesuatu perbincangan bagi menentukan nilai tanah yang akan diambil balik dan menentukan jumlah pampasan, Pemungut Hasil Tanah akan menyiapkan satu perintah pemberian pampasan menggunakan Borang G seperti yang dikehendaki oleh seksyen 14(1) Undang-undang Pengambilan Tanah, 1960. Menurut seksyen 16(1) Undang-undang yang sama satu kenyataan menggunakan Borang H perlulah disediakan setelah pemberian pampasan ditetapkan dan ianya disampaikan kepada tiap-tiap orang yang berkepentingan. Adalah dikehendaki iaitu tiap-tiap surat kenyataan Borang H mahulah mengandungi satu salinan perintah pemberian pampasan yang bertulis yang menggunakan Borang G (maksud perkataan-perkataan 'person interested' termasuklah tiap-tiap orang yang menuntut pampasan tetapi tidak termasuk penyewa tanah yang tidak tetap iaitu penyewa dari sebulan ke sebulan).

3. Menurut seksyen 29(1) Undang-undang yang sama kenyataan pemberian pampasan Borang H mestilah diserahkan kepada semua orang yang berkepentingan dan cara penyerahan ialah menurut peruntukan seksyen 53. Selepas diserahkan kenyataan tersebut bayaran pampasan hendaklah dibuat kepada orang yang berhak menerimanya melainkan:

- (a) Orang yang berhak itu tidak dapat dikesan atau ianya tidak bersetuju menerima wang pampasan itu; atau
- (b) Telah wujud satu pertikaian mengenai hak seseorang itu menerima wang pampasan ataupun telah wujud pertikaian berkenaan dengan cara pembahagian wang pampasan.

4. Seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 29A(1) Undang-undang Pengambilan Balik Tanah ,1960, Pemungut Hasil Tanah hendaklah membayar hanya 75% sahaj daripada jumlah pampasan yang telah ditetapkan dan menahan pembayaran sebanyak 25% daripada jumlah tersebut di dalam tiap-tiap kes di mana jumlah pampasan sesuatu tanah itu melebihi RM 5,000/-. Pembayaran wang sebanyak 25% daripada pampasan itu hanyalah boleh dilakukan di dalam keadaan yang tersebut di bawah ini:

- (a) Jika pihak Kerajaan, individu atau perbadanan yang bagi pihaknya tanah itu diambil memohon ulang bicara menurut seksyen 37(3), bayaran boleh dibuat setelah jumlah pampasan ditetapkan oleh Mahkamah menurut seksyen 47 ataupun jumlah pampasan itu ditetapkan oleh Mahkamah 'Appeal' menurut seksyen 49 Undang-undang yang sama.
- (b) Jika tidak ada permohonan ulang bicara oleh Kerajaan, individu atau perbadanan yang bagi pihaknya tanah itu diambil, bayaran hendaklah dibuat dengan secepat mungkin selepas 6 minggu daripada tarikh penyampaian kenyataan Borang H kepada pihak Kerajaan, individu atau perbadanan.

5. Amalan sekarang mengenai bayaran pampasan ialah seperti berikut:

- (a) Kementerian atau perbadanan yang bagi pihaknya sesuatu tanah diambil membuat urusan(mengatur) supaya sekeping cek dikeluarkan kepada seseorang yang berkepentingan; atau
- (b) Pemungut Hasil Tanah mengambil tindakan yang serupa jika ianya diberi kuasa oleh sesuatu waran peruntukan.

Jika 25% daripada pampasan itu perlu ditahan bayarannya adalah wajar bagi Kementerian, perbadanan atau Pemungut Hasil Tanah menguruskan(mengatur) supaya sekeping cek yang berharga tidak lebih daripada 75% jumlah pampasan dikeluarkan bagi tiap-tiap orang yang berkepentingan. Keputusan Kerajaan, individu atau perbadanan yang bagi pihaknya sesuatu tanah itu diambil mengenai ulang bicara menurut seksyen 37 atau 49 akan diketahui oleh Kementerian, perbadanan atau Pemungut hasil Tanah. Bagi kes di mana bayaran pampasan sepenuhnya tidak dibuat, Kementerian, individu atau perbadanan perlulah menentukan supaya peruntukan sebanyak baki pampasan diadakan untuk pembayaran pampasan di dalam keadaan yang disebut di perenggan 4(a) di atas.

6. Bahawa tujuan menahan pembayaran 25% daripada jumlah pampasan itu menurut seksyen 29A(1) ialah untuk menjauhi daripada kesulitan mendapatkan balik sejumlah wang Kerajaan daripada orang yang berkepentingan jika keputusan mahkamah dalamulang bicara menyangkan jumlah pampasan bagu tanah itu. Oleh keranan seksyen 29 dan 29A perlu dibaca bersama-sama, maka kenyataan Borang H adalah dikehendaki juga disampaikan kepada Kerajaan,individu, atau perbadanan. Dalam hal ini perlu juga diambil perhatian bahawa seksyen 29A(1)(a) dan 29(1)(b) mahulah dianggap sebagai menebut Kerajaan, individu atau perbadanan yang bagi pihaknya tanah itu diambil.

7. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan supaya mengambil ingatan bahawa kuasa menahan pembayaran sejumlah 25% daripada jumlah pampasan yang ditetapkan dan masa membuat pembayarannya adalah dibincangkan di perenggan-perenggan 2, 3, dan 4 di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 38/52 Bab 9
Kuala Lumpur
10 hb Oktober, 1977